

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [ KEPONG ]**

**SOALAN NO. 242**

Tuan Lim Lip Eng [ Kepong ] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan nombor lot tanah dan keluasan setiap satu daripada jumlah 370 ekar yang akan diwartakan sebagai Taman Awam Berskala Besar di Bukit Kiara. Adakah HS(D)119633 PT9331 dimasukkan dalam 370 ekar itu dan apakah syarat nyata yang bakal dikenakan.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat Kepong, lot-lot tanah yang akan terlibat dengan pewartaan sebagai Taman Awam Berskala Besar di Bukit Kiara adalah seperti berikut :

<b>Bil.</b>	<b>Maklumat Tanah (Lot terlibat)</b>	<b>Keluasan (Ekar)</b>
1.	Lot 54265	3.88
2.	Lot 54268	100.15
3.	Lot 480589 (Cantuman Lot 54267, Lot 54269 dan Lot 54270)	296.77
4.	PT9331 (HS(D)119633)	22.40
	<b>JUMLAH</b>	<b>423.00</b>

Jumlah keluasan sebenarnya adalah seluas 423 ekar dan bukan 370 ekar. Sebelum diwartakan, lot-lot tanah ini akan dicantumkan menjadi satu lot. Tiada syarat nyata dikenakan memandangkan tanah ini adalah merupakan tanah yang diwartakan sebagai taman awam. Syarat nyata hanya dikenakan kepada tanah-tanah hakmilik. Sebahagian daripada tanah-tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) ini diberi pajakan kepada Measat DigiCast dan akan dibatalkan pajakannya sebelum tanah ini diwartakan. Measat DigiCast akan diberikan tanah lain sebagai gantian.